

Banjir kilat diatasi Oktober

Kerajaan negeri jamin masalah di dua kawasan berakhir apabila projek tinggikan tebing Sungai Malim siap

Oleh Nasir Abd Wahab

ALOR GAJAH: Kerajaan negeri memberi jaminan masalah banjir kilat yang kerap melanda Bandaraya Melaka dan Durian Tunggal di daerah ini akan diatasi sepenuhnya menjelang Oktober ini apabila kerja meninggikan tebing Sungai Malim bermula di Batu Berendam hingga ke Kampung Gangsa, di sini, berjaya disiapkan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata pembinaan tembok setinggi satu meter di kedua-dua bahagian tebing Sungai Malim hingga ke kampung Gangsa di Durian Tunggal, membabitkan jarak enam kilometer dijangka dapat mengatasi masalah banjir di muara dan hulu sungai itu.

"Projek ini dijalankan menerusi pen-swastaaan dan kerajaan telah melantik sebuah syarikat kontraktor untuk membinanya, sebagai imbalan, mereka dibenarkan mengorek pasir di Sungai Sri Pengkalan dengan membayar premium

“Kita perlu merancang strategi baru yang lebih berkesan untuk menangani masalah banjir”

Mohd Ali Rustam
Ketua Menteri Melaka

kepada kerajaan," katanya ketika melawat ke pintu Empangan Batu 8 Gangsa berhampiran Empangan Durian Tunggal di Kampung Gangsa, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, pembinaan tebing di sungai berkenaan dianggap lebih praktikal untuk mengatasi masalah banjir kilat biarpun kerja mendalam dan melebarkan hulu Sungai Melaka termasuk di Sungai Malim, Sungai Belimbing dan Sungai Gangsa selesai dilaksanakan tahun lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sains Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Abdul Wahab Abdul Latip yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Durian Tunggal dan Pegawai Daerah Alor Gajah, Hasim Ismail.

Mohd Ali berkata, ketika ini, setiap kali berlaku banjir kilat di bandar, penduduk di Bandaraya Melaka kerap tersalah anggap dengan menuduh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melepaskan air dari Empangan Durian Tunggal ke dalam Sungai Melaka menyebabkan bahagian muara (Bandar Melaka) dilimpahi air.

"Sebenarnya, JPS tidak berbuat demikian, ini disebabkan perubahan cuaca yang dirasakan di negara ini. Melaka sendiri sudah mencatat hujan lebat sehingga empangan yang menakung air tidak dapat menampungnya," katanya.

Katanya, Empangan Durian Tunggal dan Empangan Jus di Jasin masing-masing menerima kadar hujan yang banyak sejak setahun lalu dan membantu Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) menjimatkan per-



TINJAU: Mohd Ali Rustam (depan) melawat dan meninjau pintu Empangan Batu 8 Gangsa berhampiran Durian Tunggal di Kampung Gangsa berikutan masalah banjir kilat yang kerap melanda Bandaraya Melaka dan Durian Tunggal, baru baru ini.

belanjaan bil elektrik dan air.

"Perubahan cuaca dunia menyebabkan kita perlu merancang strategi baru yang lebih berkesan untuk menangani masalah banjir, biarpun SAMB mampu menjimatkan perbelanjaan berjumlah RM10 juta setahun kerana tidak perlu membeli air yang banyak daripada Johor, kerajaan mahu memastikan juga projek tebatan banjir ini di sungai ini bertahan sehingga 50 tahun," katanya.

Mohd Ali kemudian meninjau sekitar rumah pam dan pintu Empangan Batu 8 Gangsa dan menemui pengusaha sebuah galeri lukisan, Sadik Din yang terletak berhampiran sungai yang terjejas akibat dinaiki air sedalam kira-kira 0.45 meter dalam kejadian banjir kilat yang melanda Pekan Durian Tunggal, baru-baru ini.

Dalam kejadian itu, kira-kira 20 rumah penduduk, kawasan sawah dan kebun mangga delite di sekitar Kampung

Belimbing Dalam ditenggelami air sedalam 0.2 meter sekali gus menyebabkan beberapa jalan di kampung itu termasuk jalan Pulau Dodol dan jalan kereta api juga tidak boleh dilalui kenderaan.

Kejadian banjir itu akibat empangan gagal menampung jumlah air yang banyak dari Sungai Belimbing dan Sungai Gangsa menyebabkan ia melimpah ke kawasan pertanian dan rumah penduduk berhampiran.